

Keberkesanan Kaedah Pedagogi dan Pengetahuan Isi Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu

Azhar Wahid¹, Fathin Noor Ain Ramli¹

¹Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

ABSTRAK

Kajian Keberkesanan Kaedah Pedagogi dan Pengetahuan Isi Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu ini berasaskan kepada 3 objektif, iaitu pertama mengenal pasti kaedah dan amalan pelaksanaan proses P&P Kesusasteraan Melayu. Kedua, menganalisis keperluan pengetahuan sedia ada pelajar dalam membina perancangan P&P Kesusasteraan Melayu dan ketiga, membuat penilaian tentang penguasaan isi pengajaran guru dalam P&P Kesusasteraan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang dilaksanakan dengan memanfaatkan kajian pelbagai kes melalui penggunaan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sebagai teknik pengumpulan data. Dapatan menunjukkan bahawa sebelum memulakan poses P&P, guru mengambil maklum tentang latar belakang keperluan pelajar dengan mengenal pasti ciri-ciri dan perasaan murid yang tidak menunjukkan minat terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Bagi tujuan perancangan P&P Kesusasteraan Melayu, guru menekankan aspek pencapaian objektif pembelajaran, kemahiran dan nilai melalui pelbagai kaedah dan aktiviti pembelajaran. Manakala untuk melihat penguasaan isi pengajaran, guru mengaitkan P&P Kesusasteraan Melayu dengan pelbagai bidang ilmu selain sastera seperti Sejarah, Bahasa, dan Sains. Akhirnya pengetahuan guru yang mendalam terhadap isi pelajaran Kesusasteraan Melayu dapat memberi kefahaman yang mudah kepada murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran kaedah pedagogi dan pengetahuan isi kandungan yang diaplikasikan secara eklektik atau tergabung dapat memberi kesan terhadap kefahaman isi pengajaran dan pencapaian objektif P&P yang tepat. Implikasinya, adalah penting agar guru-guru Kesusasteraan Melayu dapat merancang dan melaksanakan proses P&P dengan lebih kondusif dan profesional.

Kata Kunci: Kaedah, Pedagogi, Pengetahuan, Pembelajaran, Kesusasteraan Melayu.

ABSTRACT

The study of Effectiveness Pedagogical Method and Knowledge of Teachers Teaching and Learning Content in Malay Literature is based on three objectives which are to identify the methods and practices in the implementation of Malay Literature P&P process. Secondly is to analyze the existing knowledge of students' need in the planning of Malay Literature P&P and third, to evaluate the teaching content of teachers in Malay Literature P&P. This study applied qualitative method that is carried out by utilizing various case studies through interviews, observations and analysis of documents as a data collection technique. The findings show that prior to start the process of P&P, teacher took note background of the students need by identifying the characteristics and feelings of students who did not show interest in Malay Literature subjects. For the purpose of Malay Literature P&P planning, the teacher emphasized achievement of learning objectives, skills and values through various methods and learning activities. While to look at the mastery of teaching content, teachers relate the Malay Literature P&P with various fields of knowledge other than literature such as History, Language, and Science. Finally, teachers' profound knowledge in Malay Literature Teaching Content can give students an easy understanding. The findings show that the pedagogical method skill and knowledge of content implemented through eclectic or merged ways can affect the understanding of teaching content and achieve accurate P&P objectives. As the implication, it is important for Malay Literature teachers can plan and implement P&P processes with more conducive and professional.

Keywords: Methods, Pedagogy, Knowledge, Learning, Malay Literature.